

Pasar Perikanan diperkenal

Sinar Harian 15/4/2018 m/s 36

Pasar di Pantai Teluk Mak Nik itu pertama dalam negara

RAIHAM MOHD SANUSI

KEMAMAN

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) memperkenalkan Pasar Perikanan di Pantai Teluk Mak Nik yang merupakan pasar pertama seumpamanya di Terengganu dan negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, pasar yang dibuka di tapak khas dipanggil Dataran Perikanan itu diwujudkan bagi memberi ruang kepada nelayan, penternak akuakultur dan pengusaha industri asas tani untuk memasarkan hasil keluaran mereka secara terus kepada pengguna tanpa orang tengah sekaligus membantu meningkatkan pendapatan.

Katanya, pasar perikanan itu menjadi pusat pertemuan antara pengeluar dan pengguna di mana konsep yang diketengahkan adalah pengeluar terus kepada pengguna.

"Ini merupakan satu lagi produk (inisiatif) MOA yang mungkin kita



Penerima bantuan tong ikan dan alat sistem kedudukan global (GPS) bergambar bersama Ahmad Shabery selepas majlis perasmian Dataran Perikanan.

boleh kembangkan ke tempat lain di negara ini. Kalau selama ini kita ada pasar tani, pasar malam, pasar borong dan sebagainya, namun sekarang kita perkenal Pasar Perikanan yang dikhususkan untuk jual ikan dan produk perikanan.

"Ini merupakan model baharu yang kita bina dan yang pentingnya model bisnes ini adalah yang terbaik kerana antaranya kemudahan tempat berniaga diberikan oleh kerajaan tempatan dan tiada kos sewaan seterusnya meningkatkan pendapatan mereka dan membolehkan ikan di-

jual dengan lebih murah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Dataran Perikanan di pantai Teluk Mak Nik, di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawid dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kampung Geliga Baru, Zulkarnain Zuber.

Ahmad Shabery berkata, Jabatan Perikanan selaku agensi penyelaras pasar perikanan itu telah melaksanakan projek perintis pasar tersebut

pada Februari dan Mac lalu dan ia mendapat permintaan menggalakkan daripada penduduk setempat dengan nilai jualan yang berjaya dikumpulkan hampir RM15,000.

"Di Kemaman sahaja pendaratan ikan di Zon A berjumlah 2,909 tan metrik daripada 441 buah vesel. Jadi komuniti nelayan di sini boleh menjadikan Dataran Perikanan ini sebagai platform untuk mereka menjual secara terus ikan segar kepada pengguna," katanya.

Dalam pada itu, katanya, dataran itu juga turut menjadi lokasi bagi



Ahmad Shabery (dua, kiri) memasak ikan bakar berempah ketika meninjau gerai jualan dan pameran di Dataran Perikanan semalam.

jualan barangan runcit, sayur dan buah-buahan.

Sementara itu, Pengarah Perikanan Terengganu, Zawawi Ali berkata, selain aktiviti pemasaran hasil perikanan, terdapat juga aktiviti berjadual seperti demonstrasi peralatan menangkap ikan dan membaiki enjin, demonstrasi pemprosesan seperti membuat nugget ikan, promosi produk perikanan seperti ikan bakar garam atau 'snow fish', sate ikan aya (tongkol), produk rumpai laut serta ikan bakar berempah di pasar berkenaan.